



# SIARAN MEDIA

## JABATAN PERDANA MENTERI

---

**PEMAKLUMAN AWAL MENGENAI PENGGUNAAN JALAN DAN  
TEMBAKAN MERIAM ISTIADAT SEMASA ISTIADAT PERBARISAN  
SEMPENA SAMBUTAN HARI PAHLAWAN TAHUN 2018 DI  
DATARAN PAHLAWAN NEGARA, PRESINT 1, PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 24 Julai 2018** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V dijangka berangkat ke Sambutan Istiadat Perbarisan sempena Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2018 yang akan diadakan pada 31 Julai 2018 (Selasa) di Dataran Pahlawan Negara, Presint 1, Putrajaya. Untuk makluman, penganjuran Istiadat Perbarisan pada kali ini akan diketuai oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Turut hadir ke sambutan tersebut ialah YAB Perdana Menteri dan isteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, serta tetamu-tetamu kenamaan lain termasuk pengurusan atasan di peringkat Kementerian/Jabatan.

Dalam hubungan ini, pihak urusetia ingin memaklumkan mengenai **penggunaan jalan, kawalan lalu-lintas dan trafik di sekitar Presint 1, Putrajaya (terutamanya di Kompleks E dan Kompleks D) serta pelaksanaan Tembakan Meriam Istiadat oleh pihak ATM** pada ketetapan jadual seperti berikut:

a. **Sesi latihan**

Tarikh : Bermula pada 26 Julai 2018 (Khamis) hingga hari sebenar

Masa : Bermula jam 8.00 pagi

b. **Raptai penuh**

Tarikh : 29 Julai 2018 (Ahad)

Masa : 10.30 pagi

Tembakan meriam : 2 das di Taman Putra Perdana, Putrajaya  
(berhampiran Hotel Pulse Grande, Putrajaya)

c. **Hari sebenar**

Tarikh : 31 Julai 2018 (Selasa)

Masa : 10.30 pagi

Tembakan meriam : 21 das di Taman Putra Perdana, Putrajaya  
(berhampiran Hotel Pulse Grande, Putrajaya)

Justeru, warga penjawat awam yang berhasrat untuk ke Presint 1, Putrajaya (khususnya yang perlu akses ke Kompleks E dan D) adalah dinasihatkan untuk merancang perjalanan masing-masing bagi mengelak kesesakan lalu-lintas dan kelewatan ke pejabat selain dipohon untuk mematuhi sebarang arahan lalu-lintas oleh anggota polis yang bertugas serta tidak panik dengan bunyi tembakan meriam pada hari-hari yang berkenaan kelak.

Segala kesulitan amat dikesali dan kerjasama semua amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

**Disediakan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Perdana Menteri**